

04/10/2001

Kementerian latih 20,000 pekerja

Mohd Fuad Razali

PUTRAJAYA, Rabu - Kementerian Sumber Manusia akan melaksanakan dua skim latihan bagi melatih kira-kira 20,000 pekerja yang diberhentikan serta lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan graduan yang belum mendapat pekerjaan akibat kemelesetan ekonomi dunia.

Skim Latihan Pekerja Diberhentikan meliputi lepasan SPM yang masih belum mendapat pekerjaan dalam tempoh tiga tahun, manakala Skim Latihan Siswazah dalam bidang komputer serta bahasa untuk graduan diploma dan ijazah menganggur.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata kementerian dipertanggungjawabkan melaksanakan skim itu yang akan dilaksanakan secepat mungkin berikutan peruntukan yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Katanya, skim yang dilaksanakan menerusi Pembangunan Sumber Manusia Bhd (PSM Bhd) itu bertujuan meningkatkan kemahiran golongan terbabit untuk membolehkan mereka mencari pekerjaan sesuai.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan memperuntukkan RM117 juta untuk Skim Latihan Pekerja Diberhentikan dan RM150 juta bagi Skim Latihan Siswazah menerusi PSM Bhd.

"Kedua-dua skim ini membuktikan kerajaan prihatin dengan pekerja dan siswazah dalam keadaan ekonomi yang mencabar ini. Kita yakin dengan skim ini sekurang-kurangnya boleh membantu mengurangkan kesulitan mereka dan akhirnya membantu mereka menjadi pekerja lebih mahir," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya, di sini, hari ini.

Minggu lalu, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan mengumumkan pakej rangsangan berjumlah RM4.3 bilion sebagai usaha kerajaan menghadapi kesan negatif akibat kelembapan ekonomi global.

Dr Fong berkata, pekerja dan lepasan SPM yang mengikuti latihan sepenuh masa akan diberi elaun RM500 sebulan dan yang menjalani latihan secara sambilan pula elaun maksimum RM300 sebulan, manakala graduan pula mendapat elaun RM500 sebulan.

Katanya, latihan untuk kedua-dua skim itu akan dikendalikan oleh pusat latihan awam dan swasta.

Mengenai kadar pengangguran ketika ini, Dr Fong berkata, jumlah itu daripada 25,000 orang yang dilaporkan dalam tempoh Januari hingga akhir Ogos lalu kepada 28,000 orang bulan lepas.

Bagaimanapun, katanya, kementerian itu menerima laporan kekosongan jawatan adalah jauh lebih tinggi daripada mereka yang menganggur iaitu kira-kira 90,000 kekosongan dan kebanyakannya dalam bidang elektronik.

(END)